

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS IBADAH KORBAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA
BAGI TAHUN 1447 | 2026
DIKELOLAKAN OLEH JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**

Sabtu, 30 Mei 2026

DEWAN BETABUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN, 30 MEI – Kementerian Pembangunan tidak ketinggalan dalam sama-sama menyemarakkan sambutan Hari Raya Aidiladha bagi tahun 1447H / 2026M dengan menganjurkan Majlis Ibadah Korban. Dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, majlis tersebut telah diadakan di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan.

Majlis didahului dengan bacaan surah Al-Fatihah, diikuti dengan Ceramah Khas bertajuk “Penghayatan Ibadah Korban” yang disampaikan oleh Yang Mulia Ustaz Pengiran Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Jabatan Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Acara kemudiannya diteruskan dengan pengagihan daging-daging korban yang disempurnakan oleh Tetamu Kehormat kepada seramai 60 orang penerima yang berkeelayakan, yang terdiri daripada kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya. Alhamdulillah, ibadah korban yang dilaksanakan pada tahun ini menyaksikan sebanyak empat (4) ekor kerbau dikorbankan. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat bagi memohon keberkatan serta kesejahteraan buat semua hadirin.

Turut hadir memeriahkan lagi majlis tersebut ialah Yang Mulia Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi selaku pengerusi majlis, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan, Yang Mulia Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd Yaakub, Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan, Yang Mulia Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar, Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, ketua-ketua jabatan, divisyen, unit serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis ibadah korban ini merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Pembangunan, yang mencerminkan komitmen berterusan pihak Kementerian dalam menyemarakkan syiar Islam, sekali gus memperkukuh jalinan ukhuwah dan kebajikan warga Kementerian bersama golongan yang berhak.

- TAMAT -

Disediakan oleh:

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi
Kementerian Pembangunan
Emel: jastre.epm@env.gov.bn
Rujukan: (02)JASTRE/PR/2026



جايتن عالم سكيتر تامن دان ريكرياسي

DEPARTMENT OF ENVIRONMENT, PARKS AND RECREATION
MINISTRY OF DEVELOPMENT | BRUNEI DARUSSALAM

PRESS RELEASE

**KORBAN CEREMONY (MAJLIS IBADAH KORBAN)
BY THE MINISTRY OF DEVELOPMENT AND DEPARTMENTS UNDER IT
FOR THE YEAR 1447 | 2026
ORGANIZED JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI**

Saturday, 30 May 2026

DEWAN BETABUR, MINISTRY OF DEVELOPMENT, 30 MAY – The Ministry of Development commemorated the celebration of Hari Raya Aidiladha for the year 1447H / 2026M by organizing a korban ceremony (*Majlis Ibadah Korban*). Organized by the Department of Environment, Parks and Recreation, the event was held at the Dewan Betabur, Ministry of Development.

Present as the Guest of Honor was Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Minister of Development.

The ceremony commenced with the recitation of *Surah Al-Fatihah*, followed by a special lecture entitled “*Penghayatan Ibadah Korban*” delivered by Yang Mulia Ustaz Pengiran Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin, Acting Secretary of the Brunei Islamic Religious Council (MUIB), Islamic Religious Department, Ministry of Religious Affairs. The event then proceeded with the distribution of the sacrificial meat, presented by the Guest of Honour to 60 eligible recipients consisting of staff from the Ministry of Development and its Departments. Alhamdulillah, this year's sacrificial ceremony witnessed four (4) buffaloes sacrificed. The ceremony concluded with the recitation of *Doa Selamat* to seek blessings, well-being, and safety for all attendees.

Also present to grace the event were Yang Mulia Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, Director of Environment, Parks and Recreation as the chairperson of the event, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, Permanent Secretary, Ministry of Development, Yang Mulia Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd Yaakub, Deputy Permanent Secretary (Construction Industry and Development), Ministry of Development, Yang Mulia Awang Haji Shahrudin Khairul bin Haji Anuar, Deputy Permanent Secretary (Infrastructure, Housing and Professional), Ministry of Development, heads of departments, divisions, and units; as well as officers and staff from the Ministry of Development and its departments.

This sacrificial ceremony is an annual religious activity of the Ministry of Development, reflecting the Ministry's continuous commitment to eminence Islamic teachings, while strengthening the bonds (*ukhuwah*) and the welfare of the Ministry's personnel alongside eligible recipients.

- END -

Prepared by:

Department of Environment, Parks and Recreation
Ministry of Development

Email: jastre.epm@env.gov.bn

Reference: (02)JASTRE/PR/2026